

# Sambutan iktiraf potensi, sumbangan golongan kurang upaya

Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Antarabangsa disambut setiap 3 Disember dan ia adalah hari istimewa yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 1992. Malaysia turut meraikan Sambutan Hari OKU Kebangsaan pada tahun 2015 dengan tema Kepentingan Inklusif: Akses dan Pemerksaan OKU.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, menyatakan sambutan itu bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan masyarakat inklusif sebagai tanggungjawab bersama, memberi penghormatan dan pengiktirafan terhadap kemampuan, potensi dan sumbangan OKU serta mengetengahkan inisiatif kerajaan dalam mempromosikan hak dan kepentingan OKU.

Pelbagai anugerah seperti Anugerah Khas OKU, Anugerah Majikan Prihatin, Anugerah PDK Cemerlang dan Anugerah Ibu Bapa Mithali turut diberikan agar dapat memberikan motivasi kepada golongan ini. Langkah ini juga memberi gambaran bahawa golongan OKU tidak pernah dipinggirkan dan mempunyai hak sama rata dengan masyarakat setempat.

**Penganiayaan golongan OKU**  
Kita amat kesal apabila terdapat beberapa laporan yang tidak sedap didengar membabitkan penyalahgunaan kemudahan untuk golongan OKU. Tidak kurang juga dengan kes penganiayaan terhadap mereka yang terpampang di media sosial dan media massa.

Antara yang paling ketara ialah apabila kemudahan seperti tan-

das awam, parkir dan laluan khas untuk golongan OKU diguna mereka yang normal sama ada kerana tidak nampak ataupun sengaja sehingga menyukarkan golongan OKU.

Selain itu, kemudahan tidak mesra OKU juga sentiasa menjadi perdebatan yang tidak berkesudahan. Pada Persidangan Meja Bulat Masjid Mesra OKU baru-baru ini, Profesor Dr Raihanah Abdullah dari Humanities Research Cluster, Universiti Malaya (UM) meluahkan bahawa kebanyakan masjid di Malaysia tidak menyediakan kemudahan yang komprehensif untuk golongan OKU.

Malah ada sesetengah masjid menyediakan ramp untuk OKU, tetapi ia terlalu tinggi dan licin untuk dilalui dengan kerusi roda. Inilah antara cabaran dihadapi OKU kerana walaupun ada ke-

mudahan disediakan, tetapi ia ibarat pameran kerana tidak boleh dimanfaatkan.

Beliau turut menegaskan bahawa aksesibiliti dan kemudahan OKU untuk beribadah termaktub dari sudut undang-undang seperti Deklarasi Kaheerah mengenai hak asasi manusia, Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974.

## Perkasa keperluan OKU

Sungguhpun begitu, terdapat juga usaha dan inisiatif yang dijalankan sama ada oleh individu mahupun pihak berwajib dalam memperkasakan keperluan golongan OKU. Sebagai contoh, sebuah bilik pameran kereta khas yang mesra OKU dilancarkan di Kepong. Pemilik bilik pameran ini yang juga seorang OKU, berazam mempermudah golongan se-

angkatannya di dalam setiap urusan di bilik pameran berkenaan.

Premis ini juga ada menyediakan khidmat khas bagi OKU yang ingin membeli kenderaan, termasuk nasihat terhadap pengubahsuaian yang sepatutnya.

Antara kemudahan mesra OKU lain disediakan termasuklah laluan khas untuk golongan ini dari luar premis sehingga ke dalam ruang pameran, ruang sembahyang dan tandas yang menepati keperluan golongan berkenaan.

Justeru, menjadi tanggungjawab semua pihak untuk mempunyai kesungguhan dalam menunaikan hak golongan OKU, termasuk hak mereka melakukan ibadah serta mengikuti aktiviti kemasyarakatan dengan menyediakan kemudahan diperlukan serta mampu untuk dimanfaatkan sepenuhnya.

**Dr Nurkhamimi Zainuddin,**  
Fakulti Pengajian  
Bahasa Utama USIM